

SELECT : MEMILIH DATA

Bahagian	Keterangan
SELECT medan1, medan2, medan3,	Memberitahu SQL untuk memilih data.
SELECT *	Meletakkan sekurang-kurangnya satu medan. Jika banyak medan perlulah diselangi dengan tanda koma(,). Jika hendak memilih semua medan, masukkan symbol asterisk (*) .
FROM jadual	Memberitahu SQL dari jadual mana hendak memilih data. Masukkan nama jadual selepas FROM dan diakhiri dengan simbol semicolon ;

#Panduan 1 : huruf kecil atau HURUF BESAR?

Penyataan SQL tidak menitik beratkan penggunaan huruf kecil atau huruf besar (case-insensitive). Ini bermakna anda boleh menggunakan salah satu arahan di bawah ini.

SELECT Nama **FROM** PELAJAR;
select nama **from** pelajar;
SELECT nama **from** pelajar;

#Panduan 2 : ruang kosong?

Penggunaan ruang kosong antara perkataan dalam penyataan SQL. Anda boleh Menyusun penyataan SQL seperti di bawah.

SELECT nopelajar, nama, bangsa **FROM** pelajar;

SELECT nopelajar, nama, bangsa
FROM pelajar;

SELECT nopelajar, nama, bangsa
FROM
pelajar;

PELAJAR

NoPelajar	Nama	Bangsa	Jantina	Yuran	NoKelas
P001	Amirul bin Ismail	Melayu	L	100.50	K01
P002	Ali bin Adnan	Melayu	L	200.60	K02
P003	Batrisyia binti Hisyam	Melayu	P	400.50	K01
P004	Anushre A/P Raj	India	P	500.00	K01
P005	Irdina Huda binti Alias	Melayu	P	200.00	K01
P006	Law Eng Chin	Cina	L	300.60	K01
P007	Muhammad Bin Nur Azli	Melayu	L	700.30	K03
P008	Balan A/L Karupayya	India	L	300.50	K03
P009	Lee Yong Pi	Cina	P	400.00	K02
P010	Waheeda binti Azhar	Melayu	P	400.00	K02

KELAS

NoKelas	NamaKelas	GuruKelas
K01	Sina	Nazirul
K02	Haitnam	Salwani
K03	Khawa	Fikri

Latihan 1

Tuliskan arahan SQL untuk masalah yang berikut berdasarkan jadual PELAJAR.

- a) Memaparkan hanya medan bangsa

- b) Memaparkan hanya medan nopelajar, nama dan yuran

- c) Memaparkan **semua** medan

Latihan 2

Tuliskan arahan SQL untuk soalan-soalan berikut

- a) Memaparkan senarai nama dan bangsa yang mana hanya bangsa **melayu** dipilih?

b) Bagaimana menyenaraikan pelajar yang membayar yuran lebih **300.00**?

c) Memaparkan maklumat pelajar yang mempunyai **nopelajar** "P001"?

d) Memaparkan senarai **nopelajar**, **nama** dan **jantina** dimana hanya lelaki dipilih?

e) Memaparkan senarai semua medan dimana pelajar **lelaki** berbangsa **cina**

f) Memaparkan semua medan kelas **Khawa** yang telah membayar yuran lebih **400**.

Latihan 3

Tuliskan arahan SQL untuk soalan-soalan berikut

a) Senaraikan semua medan dan disusun menurun mengikut nama

b) Senaraikan medan nopelajar, nama, yuran disusun menurun mengikut yuran.

c) Senaraikan semua maklumat hanya dari kelas Slna dan disusun mengikut nama secara menaik.
